

27/09/2003

Pondok polis pertama dalam kompleks di bandar raya

KUALA LUMPUR: Polis Kontinjen Kuala Lumpur semalam menerima sumbangan sebuah pondok polis serta dua motosikal Skuter Modenas daripada Berjaya Times Square Sdn Bhd dan Berjaya Group Bhd.

Pondok polis serta motosikal itu adalah untuk kegunaan Unit Polis Pelancong. Ia ditempatkan di Kompleks Berjaya Times Square sempena pembukaan kompleks itu yang akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ini.

Majlis penyerahan itu dilakukan Pengerusi Berjaya Times Square Sdn Bhd dan Berjaya Group Bhd, Tan Sri Vincent Tan, kepada Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Dell Akbar Khan.

Dell berkata, pembinaan pondok polis dalam kompleks seumpama itu, adalah yang pertama di bandar raya ini.

Sambil menyambut baik sumbangan swasta dalam menyediakan lebih banyak pondok polis, Dell berkata konsep Perkongsian Bestari yang diamalkan sebelum ini semakin menampakkan kesan berikutan bertambahnya minat swasta dan individu menghulurkan sumbangan.

"Dengan adanya pondok polis di kawasan tumpuan ramai seperti ini terutamanya pelancong, ia akan membantu membina keyakinan masyarakat bahawa negara kita adalah selamat.

"Sekurang-kurangnya mereka (pelancong) tidak takut-takut untuk membeli belah di sini kerana selain mempunyai pengawal keselamatan kompleks, anggota polis pelancong sentiasa ada di kawasan ini. Mereka bertugas 24 jam sehari," katanya selepas menerima kunci pondok polis dan motosikal, semalam. Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Bahrin Idrus.

Dell berkata, dua anggota polis unit pelancong akan bertugas di kawasan itu secara bergilir melalui sistem tiga shif sehari. Selain menerima aduan daripada orang ramai, pondok itu juga berfungsi sebagai tempat mendapatkan maklumat bagi pelancong.

Sementara itu, Vincent berkata, kompleks itu dilengkapi sistem keselamatan canggih membabitkan kos RM2.5 juta, termasuk bagi memasang 326 video kamera tertutup (CCTV) dan menempatkan 300 pengawal keselamatan.